



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**11 JUN 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 38 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 372,688 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 29 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 365,841 orang. Manakala 190 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 185 orang di hospital manakala lima (5) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah tiga (3) orang di ICU/repurposed critical care dan satu (1) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau dua (2) daerah
- Zon Kuning 18 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah tiga (3) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan baharu turun mendadak kepada 38 kes sahaja hari ini berbanding 87 kes semalam. Ini merupakan penyusutan sebanyak 49 kes. Penurunan mendadak ini dilaporkan berpunca daripada bilangan sampel pesakit bagi tujuan ujian yang lebih rendah daripada semalam.
- b. Secara keseluruhan keadaan bertambah baik dengan 19 daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu sepanjang tempoh 24 jam yang lalu berbanding 15 daerah kelmarin. Hanya lapan (8) daerah merekodkan jangkitan baharu dengan Kota Kinabalu mencatatkan jangkitan dua (2) angka sebanyak 18 kes. Walau bagaimanapun jumlah ini lebih rendah daripada 30 kes sebelum ini. Penampang yang mencatat kes dua (2) angka kelmarin merekodkan hanya enam (6) jangkitan baharu hari ini.
- c. Sebanyak 36 daripada 38 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dan masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 3 dan Kategori 4.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	6	15.79%
3	Bergejala	26	68.42%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	6	15.79%
<b>JUMLAH</b>		<b>38</b>	<b>100%</b>

B.Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 Jun 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/06/2022	Catatan Kes 11/06/2022	Perbandingan
1	Beaufort	2	4	+2
2	Tuaran	3	4	+1
3	Kinabatangan	0	1	+1
4	Kota Belud	0	1	+1
5	Kunak	0	0	Mendatar
6	Telupid	0	0	Mendatar
7	Kalabakan	0	0	Mendatar
8	Ranau	0	0	Mendatar
3	Lahad Datu	0	0	Mendatar
10	Keningau	0	0	Mendatar
11	Kudat	0	0	Mendatar
12	Beluran	0	0	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Tenom	0	0	Mendatar
15	Pitas	0	0	Mendatar
16	Kota Marudu	0	0	Mendatar
17	Papar	1	1	Mendatar
18	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
19	Penampang	27	6	-21
20	Kota Kinabalu	30	18	-12
21	Sandakan	8	3	-5
22	Tawau	4	0	-4
23	Putatan	4	0	-4
24	Sipitang	3	0	-3
25	Semporna	2	0	-2
26	Tambunan	2	0	-2
27	Tongod	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>87</b>	<b>38</b>	<b>-49</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 968 unit.

- Hospital 930 unit.
- PKRC (Awam) 10 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.63%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 JUN 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	38
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	36
Bukan Malaysia	2
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	0
Belum Menerima Vaksin (5-11)	0
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	6
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	6
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	26
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>

### iii. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	0
1-4	0
5 -11	1
12-17	2
18-29	10
30-39	10
40-49	2
50-59	5
60-69	4
70-79	3
80-89	1
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 Jun 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,273 orang. Daripada jumlah ini, seramai 872 orang adalah penduduk dewasa, 0 orang adalah penduduk remaja dan 401 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 Jun 2022 adalah seramai 2,605,926 orang. Ini meliputi 2,136,631 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.65% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,494,264 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,433 orang atau 77.06% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,299 orang atau 78.91% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 320,664 atau 75.24% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 132,996 atau 32.33% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 80,167 atau 19.49% orang.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**